

PEMERKASAAN BELIA MANGSA BULI

Jamiah Manap, Arif Ibrahim dan Norashikin Abdul Hamid

Buli sering terjadi kepada belia sehingga menggugat kesejahteraan dan kualiti hidup mangsa buli. Perbuatan membuli ditakrifkan sebagai perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana baru dan sebagainya (PRPM, 2020). Buli dalam konteks penyelidikan para sarjana pula merujuk kepada satu set tingkah laku (Smith & Thompson, 1991) agresif (Smith & Sharp, 1994), tindakan negatif atau penindasan berulang dalam bentuk fizikal ataupun psikologi (Farrington, 1993; Rigby, 2007) yang disengajakan untuk mencederakan dan mendatangkan ketidakselesaan kepada mangsa buli (Olweus, 1994) sama ada secara individu atau berkumpulan (Olweus, 1993). Mangsa buli pula merujuk kepada individu yang mengalami gangguan berulang daripada pembuli (Olweus, 1994). Pembuli lazimnya terdiri daripada individu yang lebih kuat, lebih berpengaruh dan berkuasa daripada mangsa buli (Farrington, 1993; Rigby, 2007; Nor Junainah *et al.*, 2019). Laporan statistik menunjukkan, kes buli melibatkan golongan belia di Malaysia adalah tinggi.

Berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh Musu-Gillete *et al.* (2017), Malaysia berada di tangga ketujuh tertinggi daripada 53 buah negara yang terlibat dalam kajiannya. Beliau turut mendapati, gejala buli sering kali berlaku dalam kalangan pelajar yang berusia di antara 13-14 tahun. Sejumlah 16.2% pelajar dibuli sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Antara jenis buli yang sering berlaku adalah menjadikan rupa paras sebagai bahan jenaka atau ejekan (15.9%), gangguan seksual (14.1%), mempermainkan jenis bangsa pelajar (10.6%) dan menjadikan isu agama sebagai asas untuk membuli mangsa (4.7%). Namun begitu, kejadian buli kebanyakannya berlaku ke atas pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Dapatan oleh Yahaya dan Latif (2005) juga menjelaskan berkenaan dengan kes buli yang berlaku ke atas pelajar sekolah.

Menurutnya, 2.5% pelajar dibuli dua kali seminggu, 5.6% pelajar dibuli satu hingga dua kali sebulan dan hanya 11.9% sahaja menyatakan yang mereka jarang dibuli. Terdapat tiga (3) jenis buli yang utama iaitu buli yang berkaitan dengan kerja, buli berkaitan dengan individu dan juga buli berbentuk fizikal. Manakala kejadian buli di tempat kerja pula kebanyakannya melibatkan sesama gender berbanding berlawanan gender (O'Donnell & MacIntosh 2016). Selain itu juga, buli dalam kalangan pekerja ini kebiasaannya dilakukan oleh penyelia lelaki terhadap pekerja lelaki, manakala bagi pekerja wanita pula, kes buli ini selalunya melibatkan kedua-dua jantina. (Spence Laschinger & Nosko 2015). Antara bentuk buli di tempat kerja adalah memberi tempoh masa yang tidak munasabah dalam menyiapkan tugas, bebanan tugas yang terlalu banyak, pemantauan yang terlalu kerap, mengawal dan memanipulasi maklumat dan memberikan tugas yang tidak sepatutnya atau tidak diberikan sebarang tugas dengan sengaja supaya mangsa mengalami gangguan psikologi (Reknes *et al.*, 2014 & Einarsen, *et al.*, 2011). Belia yang bekerja di sektor kesihatan dan sektor awam turut menjadi mangsa buli.

Menurut kajian Yuzana, Dempster dan Stevenson (2014), 42.6% pekerja kesihatan di Malaysia terdedah kepada tingkah laku buli. Manakala Omar, Mokhtar dan Hamzah (2015) pula mendapati, 83.2% responden daripada sektor awam terdedah kepada ancaman buli ini sama ada dua (2) kali dalam seminggu atau setiap hari dalam tempoh enam bulan. Gejala buli jelas bertentangan dengan prinsip *karamah insaniah* (kemuliaan insan) yang meletakkan manusia di dalam kedudukan yang tinggi dan mulia. Sehubungan itu, bab ini akan membincangkan perihal definisi buli, bentuk-bentuk buli, faktor, kesan serta langkah pencegahan, rawatan serta pemerkasaan belia mangsa buli.

BENTUK-BENTUK BULI

Secara umumnya, terdapat empat jenis buli, iaitu buli fizikal, buli verbal, buli tingkah laku anti sosial dan buli siber. Buli verbal, buli tingkah laku anti sosial dan buli siber juga boleh dikategorikan sebagai buli psikologi. Buli psikologi tidak mencederakan mangsa, namun ia memberi kesan langsung kepada kesejahteraan mental mangsa buli.